

PERSIAPAN KE SUKAN SEA: SILAT

SNOC lulus rayuan Persisi bawa skuad penuh ke Hanoi

► ISMAIL ALI
ismail@sph.com.sg

PERSEKUTUAN Silat Singapura (Persisi) menerima berita baik petang semalam apabila hasrat mereka menyertakan skuad penuh seramai 21 atlet ke Sukan SEA Hanoi Mei ini mendapat restu Majlis Sukan Olimpik Kebangsaan Singapura (SNOC).

Berita tersebut disampaikan kepada Ketua Eksekutif Persisi, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, oleh jurucakap SNOC selepas panel rayuan majlis sukan setempat itu meluluskan permohonan persatuan-persatuan sukan bagi penyertaan atlet mereka ke temasya dwitahunan itu.

Kelulusan itu bermakna kesemua 21 pesilat dalam skuad negara kini akan tampil dalam semua 16 acara yang dipertandingkan dalam Sukan SEA Ke-31 yang dijadualkan berlangsung dari 12 hingga 23 Mei ini.

Melahirkan kegembiraannya kepada *Berita Harian* selepas menerima berita baik itu, Sheik Alau'ddin berkata:

"Pertama sekali saya ingin mengucapkan rasa syukur hasrat Persisi membawa dan menyertakan semua pesilat kami menjadi kenyataan.

"Saya amat berterima kasih kepada SportSG (Sport Singapore) dan SNOC kerana menimbangkan dan meluluskan rayuan kami. Saya berasa sangat gembira dan akan mengongsi berita baik ini kepada atlet kami malam ini (semalam)."

Dalam senarai awal yang dikeluarkan pada 16 Februari lalu, SNOC hanya menamakan juara dunia, Muhammad Iqbal Abdul Rahman Iqbal; juara dunia, Sheik Farhan Sheik Alau'ddin; dan Abdul Raazaq Abdul Rashid, pemenang pingat gangsa Kejohanan Pencak Silat Asia 2019, dalam senarai pesilat yang akan dibawa ke ibu kota Vietnam itu.

Menurut Sheik, penyertaan kesemua atletnya dalam temasya kali ini wajar berdasarkan pencapaian terkini mereka.

ACARA TANDING

1. Aniq Asri Mohd Yazid - Lelaki Kelas B (50-55kg)
2. Muhammad Hazim Mohd Yusli - Lelaki C (55-60kg)
3. Muhammad Riansyauqi Mistam - Lelaki D (60-65kg)
4. Abdul Raazaq Abdul Rashid - Lelaki F (70-75kg)
5. Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin - Lelaki G (75 - 80kg)
6. Muhammad Syakir Jeffry - Lelaki H (80 - 85kg)
7. Sheik Farhan Sheik Alau'ddin - Lelaki J (90 - 95kg)
8. Muhamad Rizuan Muhamad Razak - Terbuka Lelaki 1 (95 - 110kg)
9. Nurul Suhaila Mohd Saiful - Wanita E (65 - 70kg)
10. Siti Khadijah Mohd Shahrem - Wanita F (70 - 75kg)

Ini menyusuli kejayaan skuad negara membolot 25 pingat – 11 emas, sembilan perak dan lima gangsa – dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara (SEA) yang berlangsung di sini dari 25 hingga 27 Februari lalu.

"Bagi Sukan SEA Hanoi, kami meletakkan harapan memenangi sekurang-kurangnya empat pingat emas menerusi Sheik Farhan; juara dunia, Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin; Muhammad Iqbal dan pemenang pingat emas Sukan SEA 2019, Muhammad Hazim Mohd Yusli," jelas Sheik Alau'ddin, yang turut bertindak sebagai ketua jurulatih pasukan.

Beliau turut melahirkan harapan tiga lagi juara dunia dan pemegang Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Biasiswa spex) seperti Muhammad Syakir Jeffry, Nurul Suhaila Mohd Saiful dan Siti Khadijah Mohd Shahrem dapat memenangi pingat emas.

Menurut Sheik Alau'ddin lagi, beliau tu-

rut menjangka pasukan pesilat negara memenangi tiga lagi pingat perak dan enam gangsa di Hanoi.

Cabaran yang dihadapi Persisi sekarang, tambah beliau, adalah menonjolkan muka baru berbakat bagi menggantikan atlet yang sudah berundur.

"Saya yakin atlet baru kami mampu memberikan persembahan terbaik. Ada di antara mereka yang menunjukkan persembahan cemerlang dalam Kejohanan Pencak Silat SEA lalu. Seperkara lagi adalah persediaan pesilat menggunakan sepenuhnya perubahan teknik dan peraturan dalam kategori tanding yang diluluskan Februari lalu dan dipertandingkan buat julung-julung kali dalam Kejohanan Pencak Silat SEA lalu. Siapa yang dapat menguasai perubahan teknik ini, yang antara tujuannya menjadikan pertandingan silat lebih menarik, mempunyai peluang cerah menang," ujar beliau.

SKUAD PENUH PESILAT NEGARA KE SUKAN SEA HANOI



SENI

- 11. Muhammad Iqbal Abdul Rahman - Seni Lelaki Tunggal & Regu
- 12. Muhammad Haziq Mohd Zaque

- Seni Ganda Lelaki
- 13. Muhammad Hazim Mohd Zaque
- Seni Ganda Lelaki
- 14. Muhammad Nazrul Mohd Kamal
- Seni Lelaki Regu
- 15. Muhammadinil Mustafar Mohd Isa
- Seni Lelaki Regu
- 16. Siti Nazurah Mohd Yusoff
- Seni Tunggal Wanita
- 17. Nur Azlyana Ismail
- Seni Ganda Wanita
- 18. Sharifah Shazza Samsuri

- Seni Ganda Wanita

- 19. Iffah Batrisyia Noh - Seni Ragu Wanita
- 20. Amirah Binte Sahrin - Seni Regu Wanita
- 21. Nur Ashikin Zulkifli - Seni Regu Wanita

Pertemuan teliti teknik, peraturan baru

EMPAT negara pendukung utama silat – Singapura, Malaysia, Indonesia dan Brunei – akan mengadakan satu pertemuan khas hari ini untuk meneliti penganjuran Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara (SEA) baru-baru ini.

Ini didedahkan Pengarah Besar Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat), Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif

Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

Antara agenda pertemuan yang akan diadakan menerusi wadah Zoom itu adalah untuk memastikan semua anggota Persilat, terutama yang mengambil bahagian dalam mana-mana kejohanan silat, faham sejelas-jelasnya pelaksanaan teknik dan peraturan baru yang diperkenalkan dalam acara tanding.

Perubahan itu bertujuan menjadikan pertandingan

lebih menarik, adil dan moden, selari dengan perkembangan teknologi.

Teknik dan peraturan baru yang diperkenalkan pada Februari tahun lalu itu buat julung-julung kalinya dilaksanakan dalam pertandingan sebenar dalam Kejohanan Pencak Silat SEA di Singapura yang berlangsung dari 25 hingga 27 Februari lalu.

Berita Harian turut menerima undangan menyertai pertemuan tersebut.